

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3 TAHUN 1988**

### **DASAR PINDAHMILIK UNTUK PEMBANGUNAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Jawatan Kuasa Khas yang telah dilantik untuk mengkaji Dasar Tanah Negeri Kelantan yang dipakai sekarang ini supaya dapat disesuaikan dengan kehendak dan desakan pembangunan masa kini setelah beberapa kali bersidang telah membuat perakuan seperti berikut mengenai pindahmilik tanah dalam kawasan pembangunan perumahan. Perakuan itu telah dipertimbangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 9.3.88 mengikut Kertas Bil.5/135/88(3).

#### 1.1 Pindahmilik Tanah Kepunyaan Orang-Orang Melayu

Pindahmilik tanah dalam kawasan pembangunan perumahan bagi tanah yang telah dilulus tukar syarat dan pecah sempadan untuk kediaman, perniagaan dan perusahaan (sama ada di dalam atau diluar rizab Melayu) hendaklah dijual 100% kepada Orang Melayu tetapi Majlis Mesyuarat Kerajaan Boleh menimbang pindahmilik kepada Bukan Melayu dalam keadaan tertentu bagi menolong pemaju mengurang tanggungan kos pembangunan.

## 1.2 Pindahmilik Tanah Milik Syarikat Melayu

Tanah milik Syarikat Melayu yang telah dimajukan iaitu yang telah dilulus tukar syarat dan pecah sempadan untuk kediaman, perniagaan dan perusahaan ( sama ada di dalam atau diluar Rizab Melayu ) hendaklah dijual 100% kepada Orang Melayu atau Syarikat Milik Melayu. Namun begitu Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh menimbang pindahmilik kepada Bukan Melayu dalam keadaan tertentu bagi menolong pemaju mengurang tanggungan kos pembangunan.

## 1.3 Tanah Milik Bukan Melayu

Tanah Milik Bukan Melayu yang telah dimajukan hendaklah dijual 30% kepada Orang Melayu dan 70% kepada Orang Bukan Melayu.

2. Syarat- syarat pindahmilik tanah-tanah dalam projek yang tersebut di atas adalah bagaimana dinyatakan dalam Pekeliling P.T.G Kelantan Bil. 2/88.
3. Adapun pindahmilik tanah di dalam satu-satu projek yang dikendalikan oleh Agensi Kerajaan seperti PKINK atau satu-satu projek usahasama Kerajaan Negeri/Kerajaan Pusat dengan Badan-Bdan tertentu atau perseorangan adalah terserah kepada pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan tentang kadarnya (kuota).
4. Pekeliling ini dikuatkuasa mulai tarikh pengeluarannya. Pekeliling P.T.G Kelantan Bil. 3/76, 6/78 dan 6/82 adalah dengan ini dibatalkan.

**t.t**  
**(Hj. Ismail Hassan)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN,  
BLOK 3 KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.

**BERTARIKH : 14HB. MEI 1988**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengurus Besar KESEDAR
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
9. YBrs. PSU Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kelantan

**FAIL : P.T.G.KN.SULIT BIL 1/2/4/(16)**  
**P.T.G.KN. 11575/JLD. 3/(52)**